

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHYA  
[TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap rakyat Malaysia yang menyalahgunakan visa pelancong dengan bekerja secara haram di Australia dan Korea Selatan. Adakah Kementerian pernah berhubung dengan Kerajaan kedua-dua negara berkaitan isu ini yang membawa nama buruk kepada Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Kementerian Luar Negeri sentiasa memberi perhatian dan memantau isu-isu membabitkan rakyat Malaysia yang menyalahgunakan visa pelancong dengan bekerja secara haram di negara-negara seperti Australia dan Republik Korea (ROK). Kemudahan visa yang sering disalahgunakan oleh rakyat Malaysia di Australia, dengan izin, adalah *Electronic Travel Authority* (ETA), manakala di ROK adalah Visa G1 atau juga dikenali sebagai “Visa Pencari Suaka”.

3. Berdasarkan kepada undang-undang imigresen Australia, individu yang menyalahgunakan visa pelancong untuk bekerja atau tinggal lebih masa di negara itu akan dihantar pulang ke Malaysia setelah suatu tempoh tahanan. Kos penghantaran pulang perlu ditanggung oleh individu itu sendiri, walaupun terdapat juga kes-kes di mana ianya ditanggung oleh Kerajaan Australia bergantung kepada budi bicara Kerajaan negara itu.

4. Isu ini telah dibincangkan menerusi beberapa platform di antara kedua-dua buah negara. Antaranya, dengan izin, *Malaysia-Australia Immigration Cooperation Working Group (ICWG)* di antara Kementerian Dalam Negeri (KDN) kedua-dua negara yang diadakan secara tahunan. Antara fokus yang diberikan oleh kedua-dua negara melalui platform kerjasama tersebut adalah perkongsian maklumat bagi menangani isu ini.

5. Selain ICWG, antara inisiatif lain adalah melalui penempatan, dengan izin, *Australian Airline Liason Officers (ALO)* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). ALO memainkan peranan membantu syarikat-syarikat penerbangan mengenalpasti individu yang

dicurigai akan menyalahgunakan dokumen perjalanan ke Australia, termasuklah kemudahan ETA.

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan ROK pula telah mengetatkan lagi proses permohonan visa ke negara itu bagi menangani isu penyalahgunaan visa pelancong ini. Antara langkah yang diambil adalah mengenakan denda kepada mereka yang tinggal lebih daripada tempoh visa (*overstay*) yang dibenarkan di antara RM3,500.00 hingga RM69,600.00 serta larangan masuk selama 3 tahun ke atas.

7. Pihak Kerajaan Malaysia juga telah berhubung dan sentiasa bersedia bagi membincangkan isu ini dengan pihak Kerajaan ROK. Usaha ini penting bagi memastikan nama baik negara serta hubungan dua hala yang akrab antara Malaysia dan ROK tidak terjejas akibat isu-isu seumpama ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

8. Kementerian Luar Negeri komited dalam mengeluarkan peringatan dari semasa ke semasa agar semua rakyat Malaysia yang ke luar negara untuk sentiasa mematuhi undang-undang tempatan yang ditetapkan oleh Kerajaan negara tersebut demi menjaga nama baik Malaysia.

9. Kementerian Luar Negeri sentiasa bersedia dan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti KDN dan JIM serta pihak Kerajaan Australia dan ROK bagi memastikan isu menyalahgunakan visa pelancong untuk bekerja secara haram di negara-negara tersebut dapat ditangani dengan sebaik mungkin. Ini penting bagi bagi memastikan nama baik negara tidak terjejas akibat tindakan segelintir individu yang menyalahgunakan kemudahan yang diberikan kepada rakyat negara ini berdasarkan hubungan dua hala serta dengan izin, '*people-to-people*' yang akrab antara kedua-dua buah negara.

Sekian, terima kasih.